

26 NOV 2002

Mahathir-Australia/I

AUSTRALIA TAK AKAN UBAH CARANYA, KATA DR MAHATHIR

SUBANG, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Australia boleh diterima di Asia asalkan ia sanggup mengubah caranya tetapi beliau tidak yakin negara itu dapat berbuat demikian.

"Jika ia pilih menjadi negara Asia yang sebenarnya dan berhenti memberi nasihat kepada orang lain, dengan andaian ia lebih tahu tentang negara lain daripada mengetahui tentang dirinya sendiri, saya fikir kita dapat menerima mereka," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, itu merupakan satu perubahan besar bagi Australia.

"Saya tidak fikir mereka dapat melakukannya," katanya kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia sekembalinya daripada satu mesyuarat di Paris.

Dr Mahathir diminta mengulas pergeseran terbaru antara kedua-dua negara ekoran satu temu bual beliau dengan sebuah akhbar Australia yang memuatkan antara lain kenyataannya bahawa "Australia sudah melampau kerana menyamakan dirinya dengan Amerika Syarikat daripada segi tujuan dan taktik dalam perang menentang keganasan.

Beliau juga dipetik sebagai berkata bahawa Australia terpaksa memilih sama ada ia sebuah negara Asia atau sebuah negara Barat.

Jurucakap Parti Buruh Australia, Kevin Rudd, dilaporkan telah membidas Dr Mahathir berhubung kenyataannya itu.

Ketika diminta mengulas perkara itu, Perdana Menteri berkata rakyat Australia sepatutnya yang mula berhenti membuat ulasan mengenai Malaysia.

"Kita tidak banyak bercakap mengenai Australia berbanding rakyat Australia yang bercakap mengenai kita, memanggil saya diktator, kerajaan autokratik.

"Saya adalah kerajaan autokratik yang pertama dipilih menjadi diktator, dan kemudian bersara sebagai diktator. Jadi, ini adalah diktator pertama di dunia yang bersara ketika masih sihat," katanya.

Ketika ditanya sama ada negara-negara Asia yang lain berkongsi pendapat dengan beliau tentang Australia, Dr Mahathir berkata beliau tidak kisah tentang pendapat negara Asia yang lain.

"Tanggungjawab saya adalah kepada Malaysia. Saya tidak memaksa negara lain terima pendapat saya," katanya.

Australia jelas tidak berbuat apa-apa untuk pertingkatkan hubungan dua hala, katanya merujuk kepada amaran lawatan yang dikeluarkan oleh Canberra yang menasihatkan warga Australia mengenai kemungkinan ancaman pengganas di Asia Tenggara.

Beliau berkata: "Sedangkan, Australia pun tempat yang tidak selamat. Orang Jepun berpendapat ia tidak selamat. Mereka (Jepun) juga mengeluarkan amaran lawatan bagi warga mereka supaya jangan lawat Australia. Jadi tak betullah ketam suruh anaknya berjalan betul."

Dr Mahathir juga diminta mengulas mengenai laporan bahawa agensi-agensi pelancongan Singapura menggunakan produk-produk pelancongan Malaysia untuk meningkatkan bilangan pelancong ke pulau republik itu.

Perdana Menteri menjawab secara berseloroh ini mungkin menunjukkan Singapura tidak mempunyai apa-apa untuk ditawarkan selain daripada "bangunan-bangunan konkrit".

"Dia tak ada apa, apa dia nak buat. Kesian la kat dia sikit," katanya.

Apabila diberitahu bahawa industri pelancongan Malaysia tidak beruntung banyak daripada pakej-pakej sehari yang ditawarkan oleh agensi-agensi

pelancongan itu, Dr Mahathir berkata: "Tak apa. Bagi la kat dia sikit."
-- BERNAMA
MAM MAM PR